

KOSMO
27 OGOS 2011 (SABTU)
(M/S 2)

836,408 layak kaedah Ujrah

Oleh KU MOHD. RIZDUAN
KU ABDUL RAHMAN
ku@duan.ku@marhabkoseno.com.my

GOMIBAK - Seramai 836,408 daripada kesemua 14 juta pentilam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) layak ditawarkan pertukaran pembiayaan pendidikan berlandaskan kaedah Ujrah.

Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said (gambar kecil) berkata, bagi selebihnya tidak layak kerana terlibat dengan tindakan saman, melanggar perjanjian terdahulu atau sudah menyelesaikan keseluruhan pinjaman.

Menurut beliau, sehingga 14 Ogos lalu, seramai 429,942 peminjam yang layak telah mengemas-

kini maklumat masing-masing manakala seramai 876,408 belum berbuat demikian.

"PTPTN amat berharap semua peminjam terlibat dapat mengambil peluang keemasan ini bagi menyelesaikan urusan pertukaran dalam tempoh yang ditetapkan.

"Peminjam yang gagal memberikan maklum balas sehingga 30 September ini, mereka akan kekal dengan kos pertukaran tiga peratus atau lima peratus," katanya selepas program Merdeka Raya PTPTN di Plaza Tol Gombak sebelum.

Melalui kaedah Ujrah, setiap peminjam PTPTN hanya dibenarkan



kadar upah satu peratus ke atas peminjam pelajaran yang dibuat berbanding tiga dan lima peratus sebelum ini dan ia mula dilaksanakan berhadap semua permohonan pembiayaan yang diluluskan mulai 1 Disember 2008.

Sementara itu, mengenai Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSIPN), Ismail berkata, jumlah deposit diterima sehingga Julai lalu adalah sebanyak RM470 juta dengan pembukaan akaun terkumpul mencecah satu juta.

Bagaimanapun katanya, selepas ditolak jumlah pengeluaran simpanan terkumpul sebanyak RM30 juta, deposit bersih diterima adalah sebanyak RM440 juta.



PEMINJAM PTPTN kini boleh menukar pinjaman pelajaran mereka berlandaskan kaedah Ujrah yang hanya menggunakan bayaran upah satu peratus. - Gambar hiasan